

## KONSEP CIPTA DALAM ARJUNA WIWAHA

SYARIFAH WARDAH EL FIRDAUSY  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
elfierda@yahoo.com

YUSMILAYATI YUNOS  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
yusmila@ukm.my

ZUBIR IDRIS  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
zidris@ukm.edu.my

### ABSTRAK

*Arjuna Wiwaha* adalah sebuah karya sastra klasik Jawa yang ditulis pada abad XI Masehi karya Mpu Kanwa. Secara keseluruhan *Arjuna Wiwaha* mengenai ajaran mencapai kesempurnaan hidup. Konsep *cipta* dalam *Arjuna Wiwaha* ini dianalisis menggunakan konsep falsafah Jawa yang berorientasi cara mencapai kesempurnaan hidup (*ngudi kasampurnaan*). Berbeza daripada falsafah Yunani, ajaran dalam falsafah Jawa tidaklah dipaparkan secara langsung dalam penuturan sistematis berdasarkan logika semata. Melainkan dijelaskan dalam bentuk cerita sastra yang mencakup keseluruhan hidup manusia Jawa berdasarkan *cipta*, *rasa*, dan *karsa* manusia. *Cipta* merujuk kepada struktur logika yang berupaya untuk memperoleh nilai kebenaran, *rasa* merujuk kepada struktur etika yang berupaya untuk memperoleh nilai keindahan, dan *karsa* merujuk pada struktur etika yang berupaya untuk memperoleh nilai kebaikan. Konsep *cipta* dalam *Arjuna Wiwaha* di bahagikan kepada empat bahagian iaitu keyakinan tentang Tuhan, keyakinan tentang diri, keyakinan tentang dunia, dan keyakinan tentang akhirat. Hasil kajian ini mendapati manusia akan mengetahui nilai kebenaran (*cipta*) yang diajarkan dalam *Arjuna Wiwaha* dengan memahami konsep *gusti Allah orah sare* (Allah tidak tidur), *sangkan paran* (dari mana dan akan ke mana segala sesuatu di dunia ini berasal dan berakhir), *sapa ingsun* (siapa saya atau siapa hakikat diri ini), *aja dumeh* (jangan sombong atau jangan sewenang-wenang), *aja gampang kabujuk mring kumrincinge ringgit* (jangan mudah terpujuk dengan godaan wayang atau dunia), *urip iku mung mampir ngombe* (hidup itu ibarat singgah untuk minum sahaja atau perlambangan hidup yang sangat singkat), dan *sapa nandur bakal ngunduh* (siapa yang menanam maka akan menuai hasil daripada apa yang ia perbuat).

**Kata kunci:** *Arjuna Wiwaha*; falsafah Jawa; *cipta* (nilai kebenaran); perlambangan; kesempurnaan

## THE CONCEPT OF CIPTA IN ARJUNA WIWAHA

### ABSTRACT

*Arjuna Wiwaha* is a Javanese classical literary work that was written by Mpu Kanwa in the XI century. As a whole, *Arjuna Wiwaha* consists of the basic teachings for human beings to achieve

higher degree of life perfection. The concept of *cipta* in *Arjuna Wiwaha* is analysed using the concept of Javanese philosophy which defines the ways in which one has to follow in order to achieve perfection of life in this world and the world hereafter, is called as *ngudi kasampurnaan*. As compared to the Greek philosophy, the teaching of the Javanese philosophy is not directly displayed in the simple logic of the spoken language. It is explained in a form of literary stories that comprise the whole perspectives of a human life based on the elements of *cipta*, *rasa*, and *karsa* of human beings. *Cipta* refers to the logical structure that is capable of gaining the values of truth, *rasa* refers to the ethical structure that is capable of attaining the values of perfection in life and *karsa* refers to the ethical structure that is capable of obtaining good values in life. The concept of *cipta* in *Arjuna Wiwaha* is divided into four components, which are faith in God, faith in the self, faith in the present world, and faith in world hereafter. The results of this study has shown that humans will not only discover the value from the concept of *cipta* in *Arjuna Wiwaha* but also can benefit from the concept which teaches *gusti Allah orah sare* (Allah never sleep), *sangkan paran* (the origins of everything in this world and how it shall end), *sapa ingsun* (the truth from oneself), *aja dumeh* (do not be arrogant or to act hastily), *aja gampang kabujuk mring kumrincinge ringgit* (do not be easily tempted by the material world), *urip iku mung mampir ngombe* (our life is just too brief), and *sapa nandur bakal ngunduh* (we reap what we sow).

**Keywords:** *Arjuna Wiwaha*; Javanese philosophy; *cipta* (the formation of good characters); symbolism; perfection

## PENGENALAN

Cerita *Arjuna Wiwaha* sangat diminati oleh masyarakat Jawa dengan tokoh utama bernama Arjuna. Masyarakat Jawa pada umumnya sangat menyukai cerita-cerita epos atau kepahlawanan yang mengutamakan sifat kesatria, kepajauritan, pantang menyerah, perjuangan, serta liku-liku romantisme. Dalam bahasa Sansekerta, secara harafiah kata *Arjuna* bererti bersinar terang, putih dan bersih. Sedangkan jika dilihat daripada maknanya, kata *Arjuna* bererti jujur pada wajah dan fikiran. Cerita *Arjuna Wiwaha*<sup>i</sup> merupakan karya Mpu<sup>ii</sup> Kanwa yang ditulis pada zaman pemerintahan Raja Airlangga (1019-1042) antara tahun 1028-1035 yang dikenali dengan nama *Kakawin*<sup>iii</sup> *Arjuna Wiwaha* (Zoetmulder, 1983: 309). Bagi orang Jawa Cerita *Arjuna Wiwaha* dianggap sebagai cerita kepahlawanan, selain itu *Arjuna Wiwaha* juga dianggap sebagai karya sastera bermutu tinggi yang mengandungi nilai etik filosofis serta ajaran mencapai kesempurnaan hidup. Justeru tidak mustahil banyak karya sastera Jawa Kuno yang terpahat dalam bentuk relief yang diabadikan pada candi-candi dalam abah ke-13 hingga 15<sup>iv</sup>.

Secara keseluruhan, *Arjuna Wiwaha* bercerita mengenai seorang tokoh bernama Arjuna. Beliau adalah seorang manusia sakti yang sedang menjalankan *tapa brata* (pertapaan) di Gunung Indrakila dengan tujuan mendapatkan Panah Pasopati yang akhirnya digunakannya untuk menjaga kedamaian dunia, serta sebagai senjata yang akan digunakan dalam peperangan Barata Yudha. Pada ketika itu, di Kayangan Suralaya sedang terjadi kekacauan kerana Raja Raksasa Prabu Niwatakawaca mengancam akan menghancurkan kerajaan Suralaya apabila permintaannya untuk meminang bidadari tercantik di Suralaya yang bernama Dewi Supraba tidak diterima. Seterusnya Batara Guru mengatakan bahawa manusia yang dapat menghancurkan Prabu Niwatakawaca tersebut hanyalah seorang manusia sakti bernama Arjuna. Untuk menguji kesungguhan tapanya, Batara Indra mengutus tujuh bidadari cantik dari Suralaya untuk menguji kesungguhan pertapaan Arjuna di Gunung Indrakila. Akan tetapi usaha bidadari tersebut sia-sia

kerana Arjuna sama sekali tidak tergođa sedikit pun daripada tapanya. Ia tidak terpengaruh dengan rayuan daripada para bidadari. Atas kesungguhan tapanya, Arjuna dinyatakan lulus ujian dan dihadaɦi Panah Pasopati Batara Guru yang digunakan dalam peperangan melawan Prabu Niwatakawaca. Pada akhir cerita dikisahkan bahawa Prabu Niwatakawaca mati terbunuh di tangan Arjuna kerana terkena Panah Pasopati milik Arjuna yang tepat menancap di hujung lidahnya, sebagaimana kelemahan Prabu Niwatakawaca yang terdapat pada bahagian hujung lidahnya. Atas kemenangannya tersebut, Arjuna dinobatkan sebagai raja di Suralaya selama tujuh hari (hitungan di dunia) iaitu sama dengan tujuh bulan di Suralaya. Seterusnya Batara Indra memberinya gelar Prabu Kariti yang bererti orang yang mendapatkan kemuliaan. Selain itu, Arjuna juga dinikahkan dengan tujuh bidadari tercantik di Suralaya yang sebelumnya pernah menggoda pertapaannya di Gunung Indrakila. Bidadari tersebut ialah Dewi Supraba, Dewi Wilutama, Dewi Warsiki, Dewi Surendra, Dewi Gagarmayang, Dewi Tanjung Biru, dan Dewi Lelengmulat.

### SKOP PERBINCANGAN

Kajian ini menggunakan objek karya sastera klasik Jawa *Arjuna Wiwaha* yang telah diulang tulis berupa buku cetakan berbahasa Indonesia ejaan lama dan bahasa Indonesia ejaan baru oleh Sanusi Pane (1960) dengan judul *Ardjuna Wiwaha*, dan Sunardi D.M (1993) dengan judul *Arjuna Wiwaha*. Kajian ini tidak menggunakan teks *manuskrip* atau tulisan tangan yang menjadi kajian ilmu filologi<sup>v</sup> kerana kajian ini terfokus kepada usaha mengetahui makna dan pesan yang terdapat dalam cerita *Arjuna Wiwaha* agar dapat difahami oleh khalayak pembaca. Makna dan pesan tersebut yang dianalisis melalui konsep *cipta* dalam Falsafah Jawa.


### DEFINISI FALSAFAH JAWA

Menurut Abdullah Ciptoprawiro (2000: 14) dalam bukunya yang berjudul *Filsafat Jawa*, Falsafah Jawa bererti cinta kesempurnaan (*the love of perfection*) atau berusaha mencari kesempurnaan (*ngudi kasampurnaan*). Jika ditelitikan terdapat perbezaan antara Falsafah Yunani dengan Falsafah Jawa. Falsafah Yunani menjelaskan falsafah bermakna mencari kebijaksanaan (dalam bahasa Jawa disebut *ngudi kawicaksanaan*). Sedangkan konsep falsafah dalam falsafah Jawa menyebutnya sebagai *ngudi kasampurnaan* atau mencari kesempurnaan. *Ngudi kasampurnaan* atau mencari kesempurnaan bererti, manusia mencurahkan seluruh eksistensinya baik jasmani mahupun rohani untuk mencapai tujuan itu (Abdullah Ciptoprawiro, 2000: 21). Beliau merumuskan falsafah Jawa merupakan sebuah syarat untuk mencapai kesempurnaan hidup. Manusia Jawa mengenali konsep *tri hita wacana* iaitu tiga penyebab kebahagiaan atau tiga hubungan harmoni yang menyebabkan timbulnya kebahagiaan. *Tri hita wacana* terdiri daripada hubungan yang harmoni antara manusia dengan Tuhan, hubungan harmoni antara manusia dengan manusia lainnya, dan hubungan harmoni antara manusia dengan alam semesta atau lingkungannya. Melalui ketiga hubungan ini, manusia Jawa diyakini akan membawa kebahagiaan dalam hidup yang diwujudkan dalam tiga unsur iaitu pertama *parahyangan* atau tempat yang suci, kedua *pawongan* atau manusia itu sendiri, dan ketiga *palemahan* atau alam semesta (Lukman Pasha, 2011: 74-75).

Berbeza dengan falsafah Yunani, nilai-nilai falsafah Jawa tidak dijelaskan secara langsung dalam penuturan sistematis logis berdasarkan logika semata. Ia dijelaskan dalam bentuk cerita sastera yang mencakup keseluruhan hidup manusia Jawa berdasarkan *cipta*, *rasa*,

dan *karsa* manusia. Dalam struktur falsafah Jawa terdapat istilah *cipta*, *rasa*, dan *karsa*. *Cipta* merujuk kepada struktur logika yang berupaya untuk memperoleh nilai kebenaran, *Rasa* merujuk kepada struktur estetika yang berupaya untuk memperoleh nilai keindahan, dan *Karsa* merujuk kepada struktur etika yang berupaya untuk memperoleh nilai kebaikan. *Cipta-rasa-karsa*, logika-etika-estetika dan kebenaran-keindahan-kebaikan merupakan satu kesatuan yang dapat membuat kehidupan manusia menjadi selaras, serasi dan seimbang. Manakala falsafah Melayu pula mengupas falsafah pemikiran Islam yang menjadi asas kepada pembentukan kebudayaan dan kesenian Melayu. Aspek-aspek falsafah pemikiran Islam yang menjadi asas pembentukan kebudayaan dan kesenian Melayu adalah: (a) faham akidah; (b) rasional dalam Islam; (c) toleransi dalam Islam; (d) ukhuwwah; (e) pandangan sejagat Islam; (f) fahaman Ahli-Sunnah Waljamaah; (g) ciri-ciri kedamaian; dan (h) kesenian Islam.

Penulisan ini hanya merujuk kepada konsep *cipta* dalam *Arjuna Wiwaha* sahaja seperti yang digambarkan dalam rajah berikut:



RAJAH 1. Cipta dalam Falsafah Jawa

#### EMPAT KEYAKINAN *CIPTA* TOKOH ARJUNA DALAM *ARJUNA WIWAHA*


Terdapat empat keyakinan *cipta* tokoh Arjuna dalam *Arjuna Wiwaha* yang terbahagi kepada keyakinan tentang Tuhan, keyakinan tentang diri, keyakinan tentang dunia, dan keyakinan tentang akhirat.

##### Keyakinan tentang Tuhan

Keyakinan tentang Tuhan terbahagi kepada dua iaitu *Gusti Allah orah sare* dan *Sangkan Paran*. Pembahagian tersebut dapat dilihat melalui Rajah 2. Menerusi konsep *Gusti Allah Oras Sare* (Allah Tidak Tidur) Arjuna dalam *Arjuna Wiwaha* digambarkan selalu meyakini kehadiran Tuhan bila dan di manapun ia berada. Falsafah Jawa menyebutnya dengan nama *Gusti Allah orah sare* (Allah tidak tidur). Hal ini bermakna Tuhan selalu ada, terjaga dan tidak pernah tidur atau dalam bahasa Jawanya disebut *Gusti Allah orah sare, pirsasatindak tanduk titahe* (Allah tidak tidur, Ia mengetahui segala perilaku hambaNya). Tuhan selalu menjaga hambanya di setiap waktu dan di mana sahaja. Kesedaran akan kehadiran Tuhan akan menimbulkan kesedaran untuk selalu berhati-hati dalam bertindak dan bertingkah laku kerana ia sedar akan pengawasan Tuhan pada bila-bila dan di manapun manusia berada. Keadaan demikian dapat dikaitkan dengan *Hyang Manon* yang ertinya Tuhan Yang Maha Melihat. Segala tingkah laku manusia dapat dilihat oleh Tuhan. Kesedaran manusia Jawa bahawa Tuhan Maha melihat, akan mencegah manusia daripada melakukan perbuatan buruk meskipun sedikit sahaja (Lukman Pasha, 2011: 104). Hal tersebut dapat dilihat berdasarkan kutipan cerita *Arjuna Wiwaha* berikut:

Engkau ada di mana-mana, Engkau sari Kebenaran Utama, yang sukar tercapai. Engkau bersemayam dalam yang ada dan tidak ada, dalam yang besar dan yang kecil, dalam yang jahat dan yang suci.

(Sanusi Pane, 1960: 39)



RAJAH 2. Keyakinan tentang Tuhan

Dalam cerita *Arjuna Wiwaha* juga turut disebutkan bahawa Tuhan ada di mana-mana dan mengetahui segala yang terjadi di muka bumi ini. Kesedaran manusia Jawa akan keberadaan Tuhan yang selalu ada, dan selalu mengawasi segala tingkah laku mereka, menjadikan manusia Jawa selalu berwaspada dan senantiasa berhati-hati dalam bertingkah laku kerana mereka sedar dengan pengawasan Tuhan.

Kesedaran akan pengawasan Tuhan juga yang akhirnya meneguhkan pertapaan Arjuna walaupun pada saat itu beliau sedang diganggu oleh tujuh bidadari yang mempunyai rancangan untuk menggagalkan pertapaan Arjuna. Hal tersebut dapat dilihat berdasarkan kutipan cerita *Arjuna Wiwaha* berikut:

Sang Hyang Wulan menaruh belas kasihan kepada Supraba yang putus asa itu. Tetapi ia tidak dapat berbuat apa-apa. Dewa itu hanya menjawab, “Maaf Supraba, tapa Arjuna itu memang sangat khusuk tiada banding. Ia menutup seluruh panca inderanya. Walaupun akan ada petir atau guntur, atau gunung longsor didekatnya ia tidak akan terpengaruh. Seluruh tubuhnya penuh unsur kewaspadaan. Bahkan membangunkannya pun tidak setiap dewa dapat. Jadi engkau tidak perlu kecewa Supraba.”

(Sunardi D.M, 1993: 52)

Tapi Parta yang gagah perkasa tetap imannya.  
Panca inderanya tidak mengindahkan yang disukainya dulu.

Mendengar melihatnya juga, tetapi tidak menjadi bimbang.  
Tidak menodai kesuciannya sebentar pun jua.  
Bidadari ringkasnya berputus asa.  
Sudah tiga malam mereka itu menggoda terus menerus,  
Tapi ia tetap tenang, diam semata.  
Mereka pulang bersama-sama, Parta terlukis dalam hatinya.

(Sanusi Pane, 1960: 23).

Seterusnya, konsep keyakinan tentang Tuhan tergambar dalam ungkapan *Sangkan Paran* (dari mana dan akan ke mana segala sesuatu di dunia ini berasal dan berakhir). Berbeza dengan falsafah Yunani yang bertanyakan mengenai “dasar awal yang dicari dan ditanyakan”, dengan bertitik tolak daripada kewujudan manusia dan alam nyata yang dapat dicapai melalui panca indera, falsafah Jawa merumuskan bahawa falsafah bererti mempersoalkan *dari mana* dan *akan ke mana* semua kewujudan ini. Ungkapan *sangkan paran* terbahagi kepada tiga aspek seperti berikut:

- a. *Sangkan paraning dumadi* : awal dan akhir penciptaan alam semesta.
- b. *Sangkan paraning manungsa* : awal dan akhir penciptaan manusia.
- c. *Dumadining manungsa* : penciptaan alam semesta dan manusia.

Falsafah Jawa berkesimpulan bahawa Tuhan merupakan *sangkan paraning dumadi* dan *sangkan paraning manusia* yang bermakna Tuhan adalah peringkat awal dan akhir daripada penciptaan alam semesta, dan Tuhan adalah peringkat awal dan akhir daripada penciptaan manusia. Dengan demikian, falsafah Jawa merumuskan bahawa:

- a. Awal bererti berasal daripada Tuhan.
- b. Akhir bererti kembali kepada Tuhan.

Pencarian manusia akan berakhir dengan *wikan* dan *weruh* iaitu mengerti tentang *sangkan paran* atau awal dan akhir sesuatu kewujudan. Usaha manusia untuk kembali pada Tuhannya dilakukan dengan jalan jasmani dan jalan rohani atau disebut sebagai jalan lahir dan batin (Abdullah Ciptoprawiro, 2000: 22). Cerita *Arjuna Wiwaha* juga turut menjelaskan adanya konsep *sangkan paran*. Bahkan terdapat kenyataan yang mengatakan Tuhan adalah pangkal kehidupan dan akhir daripada kejadian, serta asal dan tujuan alam dalam teks berkenaan. Hal tersebut dapat dilihat berdasarkan kutipan cerita *Arjuna Wiwaha* berikut:

Engkau ada di mana-mana, Engkau sari Kebenaran Utama, yang sukar tercapai.  
Engkau bersemayam dalam yang ada dan tidak ada, dalam yang besar dan yang kecil,  
dalam yang jahat dan yang suci.  
Pangkal kehidupan dan akhir kejadian Engkaulah penciptannya.  
Asal dan tujuan alam, jiwa sekalian yang ada dan yang tidak ada.

(Sanusi Pane, 1960: 39)

Kutipan tersebut membuktikan konsep *sangkan paran* dalam falsafah Jawa berkenaan kepercayaan manusia Jawa terhadap keberadaan Tuhan. Bahkan kewujudan alam semesta dan seluruh isinya ini bukanlah sebuah kebetulan tau terjadi secara tiba-tiba dan tidak memiliki tujuan dari penciptaan tersebut. Kewujudan alam dan seluruh isinya ini berasal daripada Tuhan Sang Pencipta. Hal ini bermakna alam semesta dan seluruh isinya akan kembali kepada Tuhan pada suatu masa nanti. Secara tidak langsung *sangkan paraning dumadi* dan *sangkan paraning manungsa* menjelaskan tidak ada yang kekal di dalam dunia kecuali Tuhan.

Unsur yang paling utama dalam kepercayaan Jawa ialah kepercayaan akan adanya Tuhan. Orang Jawa menggambarkan keberadaan Tuhan dengan konsep *tan kena kinaya gapa* iaitu Tuhan tidak dapat dibayangkan keadaannya. Walaupun tidak dapat dibayangkan keberadaannya,

tetapi orang Jawa meyakini bahawa Tuhan itu ada. Hal tersebut demikian kerana bagi orang Jawa keyakinan akan Tuhan tidak semata-mata diperoleh hanya melalui logika semata-mata, tetapi juga melalui rasa. *Cipta, rasa, dan karsa* merupakan tiga anugerah Tuhan yang berfungsi untuk memahami seluruh kebenaran yang ada. Baik tentang keberadaan alam semesta ciptaan Tuhan mahupun keberadaan Tuhan Sang Maha Pencipta itu sendiri.


Secara keseluruhan, keberadaan Tuhan dapat difahami melalui tiga ciri-ciri iaitu :

1. Tunggal
2. Mutlak, dan
3. Berbeza dengan yang lainnya.

Tiga hal tersebut dapat juga diertikan bahawa Tuhan memiliki ciri-ciri Tunggal, Mutlak, dan Berbeza dengan yang lainnya. Dengan demikian dapat difahami bahawa, Tuhan yang tidak memiliki ketiga ciri di atas, maka tidak dapat disebut sebagai Tuhan.

### Keyakinan tentang Diri

Keyakinan tentang diri (manusia sebagai peribadi) terbahagi kepada dua iaitu *Sapa Ingsun* dan *Aja Dumeh*. Pembahagian tersebut dapat dilihat melalui rajah berikut:



RAJAH 3. Keyakinan tentang Diri

Melalui konsep *sapa ingsun* (siapa saya atau siapa hakikat diri ini) Arjuna selalu yakin dirinya sebagai hamba Allah dan khalifahNya. Keyakinan sebagai hamba Allah dapat difahami dengan konsep *sapa ingsun* (siapa saya). Dengan mengetahui *sapa ingsun*, maka seseorang akan mengetahui bagaimana kedudukannya sebagai hamba dan bagaimana kedudukan Tuhan sebagai *Gusti*. Dengan mengetahui kedudukannya sebagai hamba, maka seseorang akan menyedari kewajibannya sebagai seorang hamba dan juga sebagai khalifah atau wakil Tuhan di muka bumi

yang bertugas menyebarkan kebaikan kepada sesama manusia di muka bumi ini. Konsep *sapa ingsun* dapat dilihat daripada kutipan cerita di bawah ini. Petikan tersebut memperlihatkan Arjuna sebagai seorang kesatria yang memiliki kewajiban menjaga *parahita* iaitu menjaga ketenteraman hati rakyat seluruh negeri.

“Memang tujuan tapaku antara lain juga mencari senjata sakti untuk digunakan dalam perang Bharata Yudha yang akan datang. Aku bertapa ini juga kerana ingin mendapatkan senjata sakti dan kesaktian dalam peperangan. Dengan senjata sakti tersebut aku ingin mengayomi jagad ini dan ingin agar para pendeta terlindungi serta terhindar dari gangguan berupa apa pun. Dengan demikian mereka dapat menyebarkan ajaran-ajaran utama mereka. Aku merasa mempunyai kewajiban menjaga apa yang disebut *parahita*, iaitu menjaga ketenteraman hati rakyat di seluruh negeri.”

(Sunardi D.M, 1993: 52)

Manusia Jawa harus memiliki kesedaran *Sapa Ingsun* atau siapa saya. Kesedaran tersebut adalah seperti berikut:

- a. Saya memahami dan menyedari bahawa saya bermula daripada tiada (*suwung* atau kosong). Kemudian dalam perjalanan waktu suatu saat nanti keadaan yang sekarang ada akan menjadi tiada. Ia merupakan sebuah siklus daripada suatu keadaan tiada-ada-tiada-ada dan seterusnya mengikuti suatu proses atau keadaan perjalanan hidup seseorang menuju kesempurnaan hidup (*kasampurnaning urip*) yang semuanya telah diatur dan terserah kepada Tuhan Yang Maha Mengatur.
- b. Saya memahami dan menyedari bahawa saya bukan apa-apa dan tiada bererti serta tiada berdaya sama sekali di hadapan Tuhan. Saya ini hanya sekadar pelaku dan hanya melakukan apa yang diperintahkanNya dan yang telah menjadi keputusanNya. Oleh itu, mengadakan pendekatan terus-menerus kepadaNya adalah perlu dan harus agar setiap usaha dan langkah kita selalu dan tetap seiring dengan kehendakNya.
- c. Saya datang dari Yang Maha Suci kerana seboleh mungkin hidup di dunia ini dengan suci agar kelak dapat kembali kepada Sang Maha Suci (Tjaroko HP Teguh Pranoto, 2007: 98).

Seterusnya konsep keyakinan diri menjelaskan ungkapan *Aja Dumeh* yang bermakna jangan sombong atau jangan sewenang-wenang (Imam Budhi Santosa, 2008: 2). Falsafah Jawa sentiasa mengingatkan manusia agar selalu berpedoman pada ungkapan *aja dumeh*, iaitu ketika hendak melakukan sesuatu tindakan, setiap manusia tidak *gegabah* atau ceroboh hanya kerana merasa bahawa dirinya boleh melakukannya. Akibat daripada hal tersebut boleh menjerumuskan seseorang kepada perkara buruk mahupun ke dalam jurang penderitaan.

Misalnya kesombongan Prabu Niwatakawaca yang digambarkan dalam *Arjuna Wiwaha* dapat dikatakan sebagai peribadi yang sewenang-wenang dan tidak sejalan dengan konsep *aja dumeh* di atas. Hal tersebut dapat dilihat berdasarkan kutipan ini:

Batara Indra sedang perihatin, kerana baru saja menerima utusan dari raja raksasa yang bernama Prabu Niwatakawaca iaitu adiknya yang bernama Sudirgopati yang bermaksud meminang bidadari Suralaya Dewi Supraba. Dewi Supraba adalah seorang bidadari tercantik di Suralaya. Padahal Prabu Niwatakawaca sudah memiliki seorang permaisuri yang bernama Dewi Prabasini. Ia mengancam akan menghancurkan leburkan Suralaya dan seluruh isinya apabila permintaannya itu di tolak. Tuntutan Niwatakawaca tersebut akhirnya menimbulkan kegelisahan dan kekacauan suasana di Suralaya. Batara



Indra tahu bahawa Prabu Niwatakawaca dapat melaksanakan ancamannya. Batara Indra dan Para Dewa lainnya berusaha membendung agar ancaman Niwatakawaca tersebut tidak terlaksana.

Prabu Niwatakawaca sangatlah sakti, saat masih jejak yang pada waktu itu masih berkedudukan sebagai seorang pangeran, ia bernama Raden Nirbita. Nirbita bermakna seseorang yang selalu takut atau seorang penakut. Kemudian ia rajin dan tekun melakukan *topobroto* atau bertapa. Batara Guru atau Sang Hyang Pramesti Guru sangat memperhatikan tapa Raden Nirbita yang sangat tekun itu, sehingga ia menganugerahi suatu kekuatan batin atau daya sakti yang dinamakan *Aji Gineng soka Weda*. Berkat daya sakti itu ia menjadi kebal terhadap berbagai jenis senjata. Bahkan barang siapa yang memiliki kesaktian itu maka ia tak dapat dibinasakan oleh para yaksa (dewa), asura (iblis atau syaitan yang selalu memerangi manusia), yang dikepalai oleh Mahisa Sura, bahkan tidak pula oleh para Dewa. Dengan *Aji Gineng Soka Weda*, Niwatakawaca dapat mengeluarkan ribuan raksasa dari dalam mulutnya sesuai dengan waktu yang dikehendakinya bahkan ia tidak dapat mati.

Setelah menjadi raja raksasa, ia memiliki kerajaan di Manikmantaka atau Imantaka yang terletak di kaki Gunung Semeru. Sang Hyang Pramesti Guru berpesan kepada Niwatakawaca agar berhati-hati dan berwaspada terhadap manusia sakti yang dapat mematikan *Aji Gineng Soka Weda* miliknya. Manusia sakti yang dimaksudkan ialah Arjuna. Akan tetapi Niwatakawaca mengabaikan pesan Sang Hyang Pramesti Guru. Ia justeru lupa diri dan menjadi tamak, serakah, sombong, dan berani tidak pada tempatnya. Ia bahkan ingin menaklukkan Suralaya, tempat tinggal para Dewa Dewi dan para bidadari. Ia bercita-cita untuk menaklukkan Suralaya dan ingin memainkannya sewenang-wenang.

(Sunardi D.M, 1993: 75)

Kutipan cerita tersebut menunjukkan Prabu Niwatakawaca merupakan manusia yang sewenang-wenang. Beliau menjadi lupa diri setelah memiliki kekuasaan batin *Aji Gineng Soka Weda* dan sikap beliau berubah menjadi tamak, serakah dan sombong. Beliau juga mengancam akan menghancurkan leburkan Suralaya apabila keinginannya untuk meminang bidadari tercantik di Suralaya ditolak. Padahal beliau telah memiliki seorang permaisuri yang cantik iaitu Dewi Prabasini. Sifat Prabu Niwatakawaca ini jelas tidak baik dan seolah-olah mengingatkan orang Jawa agar tidak mencontoh sifatnya, justeru khalayak pembaca diingatkan agar menjauhi konsep *aja dumeh* yang dianut oleh masyarakat Jawa. Akibat kesombongannya itu, Prabu Niwatakawaca telah mendapat balasan yang setimpal iaitu kekalahan dan kehancuran atas dirinya.


Ajaran *aja dumeh* (jangan sewenang-wenang atau jangan sombong) dalam falsafah Jawa juga sejalan dengan firman Allah dalam Al-Qur'an yang berbunyi :

Dan janganlah kamu memalingkan mukamu dari manusia (kerana sombong) dan janganlah kamu berjalan di muka bumi dengan angkuh. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong lagi membanggakan diri.

(QS. Luqman, [31]: 81)

### Keyakinan tentang Dunia

Keyakinan tentang dunia terbahagi kepada dua iaitu *aja gampang kabujuk mring kumrincinge ringgit* dan *urip iku mung mampir ngombe*. Pembahagian tersebut dapat dilihat melalui rajah berikut:



RAJAH 4. Keyakinan tentang Dunia

Arjuna sentiasa yakin bahawa dunia ini hanya bersifat sementara (*fana'*), sedikit (*qalil*), dan semu atau tidak nyata (*gharur*). Keyakinan tersebut dapat di jelaskan dengan konsep *aja gampang kabujung mring kumringcinge ringgit*.

Konsep *aja gampang kabujuk mring kumringcinge ringgit* dalam falsafah Jawa bererti jangan mudah terpujuk dengan bunyi gemerincing wayang. Perlambangan salah satu kenikmatan hidup manusia di dunia iaitu berpesta, sekali gus merupakan godaan dunia. Dunia adalah panggung sandiwara seperti wayang, ada lakon, ada cerita, dan juga ada dalangnya. Oleh itu manusia harus berwaspada dengan tipu muslihat dunia yang sifatnya hanya sementara (Lukman Pasha, 2011: 99). Hal tersebut dapat dilihat berdasarkan kutipan berikut:

Percakapan Arjuna dengan Resi Padya dalam *Arjuna Wiwaha* :

Berkatalah Sang Resi Padya, “Engkau benar-benar telah melatih dirimu untuk mencapai maksud demikian. Engkau lupa bahwa manusia hidup di dunia itu hanya sebagai wayang kulit. Jadi ada dalang yang telah menggerakkannya. Sang wayang tak dapat menggerakkan dirinya sendiri. Semua bentuk tangis, tawa, sedih, suka, percakapan, bangun, tidur, duduk, berdiri, berjalan, bahkan bangun tidur dari wayang, sang dalanglah yang mengaturnya.”

Berkatalah Raden Arjuna, “Duh sang Resi, semua ucapanmu benar. Aku bertapa ini bukannya mencari mati. Tugasku di dunia ini masih terlampau banyak. Sebagai seorang kesatria aku harus memahami hakekat hidup ini. Sejak lahir sampai seumurku ini tentu aku telah membuat banyak membuat dosa. Adalah wajar kalau aku berikhtiar untuk mengurangi dosa tersebut. Aku sependapat denganmu bahawa manusia hidup di dunia ini ibarat seperti wayang, jadi ada dalangnya. Aku ingin mendekatkan diriku dengan Sang Dalang tersebut, agar hidupku tidak *keblinger*, itulah jalan untuk mengurangi dosa dan mawas diri.”

(Sunardi D.M, 1993: 56).

Kutipan itu menjelaskan bahawa hidup ini ada yang mengatur. Ada dalang atau pun sutradara di balik semua kejadian di alam semesta ini. Dalang tersebut iaitu Allah, Tuhan semesta alam raya ini. Oleh kerana ada yang mengatur itulah, manusia hendaknya jangan mudah terbujuj dengan godaan dunia ini yang bersifat sementara (*fana'*), sedikit (*qalil*), dan semu atau tidak nyata (*gharur*). Konsep *aja gampang kabujuk mring kumringcinge ringgit* juga dapat

difahami dengan ajaran dari Sayyidina Ali bin Abi Thalib yang berbunyi, “dunia ini bagaikan seorang wanita tua yang menampakkan diri dengan paras muda menawan.”

Seterusnya melalui konsep *urip iku mung mampir ngombe* (hidup manusia di dunia ini hanyalah sebentar sahaja) dalam falsafah Jawa menggambarkan hidup manusia diibaratkan hanya singgah untuk minum sahaja. Kata ‘singgah’ bererti sangat sebentar atau sangat singkat. Berikut *tembang* Jawa (puisi Jawa) yang berisi nasihat yang menggambarkan bahawa hidup manusia hanya sebentar sahaja.

*Tembang dhandanggula*  
*Urip iku neng donya tan lami*  
*Upamane jebeng menyang pasar*  
*Tan langgeng neng pasar bae*  
*Tan wurung nuli mantuk*  
*Mring wismane sangakane nguni*  
*Ing mengko aja samar, sangkan paranipun*  
*Ing mengko padha weruha*  
*Yen asale sangkan paran duk ing nguni*  
*Aja nganti kesasar.*

Ertinya hidup di dunia ini tidak lama. Ibarat manusia pergi ke pasar, akan segera kembali ke rumahnya. Oleh itu jangan sampai ragu terhadap asal-usul, agar jangan sampai salah jalan (Lukman Pasha, 2011: 175-176). Puisi Jawa tersebut menggambarkan bahawa hidup manusia bersifat semu (tidak nyata), sementara (tidak kekal), dan membosankan (ibarat sebuah pasar). Akhirnya setelah berbelanja di pasar mereka akan kembali ke rumahnya seperti manusia yang hidup di dunia ini akhirnya akan kembali kepada Tuhan.

### Keyakinan tentang Akhirat


Arjuna selalu yakin bahawa di alam akhirat kelak akan ada sebuah pertanggungjawaban (*mas’uliyat*) yang disaksikan oleh anggota-anggota tubuh, para malaikat, hati nurani, dan Allah SWT. Keyakinan akan akhirat meliputi konsep *sapa nandhur bakal ngunduh*. Hal tersebut dapat dilihat melalui Rajah 5.

Konsep *sapa nandur bakal ngunduh* dalam falsafah Jawa bererti siapa yang menanam maka akan menuai hasilnya. Hal ini bermakna barang siapa mengerjakan atau melakukan suatu perbuatan, sama ada perbuatan baik ataupun buruk, maka ia akan mendapatkan hasil (baik di dunia maupun di akhirat) yang sesuai dengan apa yang dikerjakannya. Sama ada di dunia mahupun di akhirat setiap manusia akan diminta untuk bertanggung jawab dengan apa yang telah diperbuat sebelumnya (Pasha, 2011: 81). Hal tersebut dapat dilihat daripada kutipan di bawah ini.

Percakapan antara Arjuna dengan Resi Padya dalam *Arjuna Wiwaha*. Berkatalah Arjuna, “Pendapatmu benar bahwa disamping kehidupan di dunia kelak di alam baka ada kehidupan yang akan dihadapi oleh manusia. Untuk itu aku berpendirian seyogyanya manusia mengatur sendiri keseimbangannya.”

(Sunardi D.M, 1993: 56).


Berhubung dengan hal tersebut, falsafah Jawa telah memberi ajaran mengenai siapa yang menanam maka ia akan menuai hasilnya seperti pada konsep berikut:



RAJAH 5. Keyakinan tentang Akhirat

- a. *Ngunduh wohing pakerti* yang bererti memetik buah hasil daripada perbuatannya sendiri. Ini bererti manusia akan memetik apa yang ia tanam (Imam Budhi Santosa, 2008: 91). Setiap kebaikan akan memperoleh kebaikan, sebaliknya setiap keburukan akan memperoleh keburukan pula.
- b. *Sapa temen bakal tinemu, sapa salah bakal seleh* yang bererti siapa yang bersungguh-sungguh akan bertemu, siapa salah akan menyerah (Imam Budhi Santosa, 2008: 110). Ungkapan tersebut bermaksud setiap kerja keras dan kebaikan akan memperoleh hasil yang sepadan. Sedangkan apabila berbuat salah manusia akan memperoleh hukuman yang setimpal.

Berdasarkan Rajah 6, konsep falsafah Jawa yang memenuhi konsep cipta terbahagi kepada empat bentuk keyakinan iaitu keyakinan terhadap Tuhan, keyakinan terhadap diri, keyakinan terhadap dunia dan keyakinan terhadap akhirat. Setiap keyakinan berkenaan mempunyai prinsip-prinsip yang telah ditetapkan dalam falsafah Jawa yang disesuaikan dengan teks *Arjuna Wiwaha*.



RAJAH 6. Empat Keyakinan Cipta Tokoh Arjuna dalam Arjuna Wiwaha

## KESIMPULAN

Empat keyakinan *cipta* Arjuna dalam teks *Arjuna Wiwaha* meliputi keyakinan Arjuna tentang Tuhan yang meliputi *Gusti Allah orah sare* (ertinya Allah tidak pernah tidur). Allah selalu ada dan terjaga serta mengetahui apa sahaja yang dikerjakan manusia dan semua ciptaannya. Kesedaran akan kehadiran Tuhan akan menimbulkan kesedaran untuk selalu berhati-hati dalam bertindak dan bertingkah laku kerana ia sedar akan pengawasan Tuhan pada bila-bila dan di manapun) dan *Sangkan Paran* (ertinya *dari mana* dan *akan ke mana* semua wujud ini). Falsafah Jawa sepanjang masa berkesimpulan bahawa Tuhan adalah awal dan akhir daripada penciptaan alam semesta ini. Dengan demikian, falsafah Jawa dengan konsep *Sangkan paran* merumuskan bahawa awal penciptaan bererti berasal daripada Tuhan dan akhir penciptaan bererti kembali kepada Tuhan).

Keyakinan Arjuna tentang diri meliputi *Sapa ingsun* (ertinya siapa saya). Keyakinan sebagai hamba Allah dapat difahami dengan konsep *sapa ingsun* atau siapa saya. Dengan mengetahui *sapa ingsun*, maka seseorang akan mengetahui bagaimana kedudukannya sebagai hamba dan bagaimana kedudukan Tuhan sebagai *Gusti*. Dengan mengetahui kedudukannya sebagai hamba, maka seseorang akan menyedari kewajibannya sebagai seorang hamba dengan tunduk patuh terhadap perintah dan larangan Tuhan, dan juga sebagai khalifah atau wakil Tuhan di muka bumi yang bertugas menyebarkan kebaikan kepada sesama manusia di muka bumi ini). Seterusnya melalui konsep *Aja dumeh* (ertinya jangan sombong sewenang-wenang), falsafah Jawa sentiasa mengingatkan agar manusia selalu berpedoman pada ungkapan *aja dumeh*. Iaitu ketika hendak melakukan sebuah tindakan, setiap manusia hendaknya tidak gegabah atau ceroboh hanya kerana merasa bahawa dirinya boleh melakukannya. Hal tersebut boleh menjerumuskan seseorang pada kenistaan maupun ke dalam jurang penderitaan.

Keyakinan Arjuna tentang dunia pula meliputi *Aja gampang kabujuk mring kumringginge ringgit* (ertinya jangan mudah terpujuk dengan godaan wayang atau dunia). Perlambangan salah satu kenikmatan hidup manusia di dunia iaitu berpesta, sekali gus juga merupakan godaan dunia. Dunia adalah panggung sandiwara seperti wayang, ada lakon, ada cerita, dan juga ada dalangnya. Oleh itu manusia harus berwaspada dengan tipu muslihat dunia yang sifatnya tidak nyata, membosankan, dan sementara) dan *Urip iku mung mampir ngombe* (ertinya hidup itu ibarat hanya seperti singgah untuk minum sahaja atau perlambangan hidup yang sangat singkat). Hidup manusia dikatakan sebentar dengan ibarat hanya seperti singgah untuk minum sahaja. Kata 'singgah' di sini bererti sangat sebentar. Sebentar dapat juga diertikan bahawa kehidupan di dunia ini tidak boleh dijadikan sebagai sebuah tujuan melainkan dunia dan seluruh isinya ini merupakan syarat untuk menghantarkan manusia pada tujuan yang sebenar-benarnya iaitu untuk mencapai redha Allah SWT.

Keyakinan Arjuna tentang akhirat meliputi *Ngunduh wohing pakerti* (ertinya siapa yang menanam maka akan memetik atau manusia akan menuai hasil dari apa yang diperbuat). Di akhirat nanti akan ada pertanggung jawaban iaitu manusia akan memetik apa yang ia tanam, iaitu kebaikan akan memperoleh kebaikan, sebaliknya keburukan akan memperoleh keburukan pula. Konsep *ngunduh wohing pakerti* juga akan menjadikan manusia berhati-hati dalam melakukan segala sesuatu di dunia ini sebab ia sedar akan tanggung jawabnya di alam akhirat. Kesedaran akan adanya pertanggung jawaban di akhirat akan menjadikan manusia enggan melakukan perbuatan dosa dan gemar berbuat kebaikan.

<sup>i</sup> *Arjuna Wiwaha* bererti perkahwinan Arjuna iaitu pada cerita *Arjuna Wiwaha*, tokoh utama yang bernama Arjuna menikah dengan tujuh bidadari di Suralaya ketika beliau dinobatkan menjadi raja di Suralaya selama tujuh hari (sama dengan tujuh bulan di bumi) dengan gelar Prabu Kariti. Keindahan atau nilai estetik dalam *Arjuna Wiwaha* dapat dilihat dalam tulisan Edy Sutanto (2009) berjudul 'Nilai Estetik dan Pragmatik Cerita Arjunawiwaha Gubahan Mpu Kanwa'. <sup>ii</sup> Mpu adalah gelar seorang ahli penyair dan juga seorang ahli filsafat di zaman dahulu (Seno Sastoamidjojo, 1962: 87).

<sup>iii</sup> Kata *kakawin* berasal dari bahasa Sansekerta *kawi* yang bererti seorang yang mempunyai pengertian yang luar biasa iaitu seseorang yang boleh melihat hari depan dan juga seseorang yang bijak. Tetapi dalam sastera Sansekerta klasik, istilah ini memberi erti yang khas iaitu 'seorang penyair'. Oleh itu, *kakawin* bererti 'karya seorang penyair atau syairnya. Metrum yang digunakan dalam puisi *kakawin* iaitu sebuah bait yang terdiri atas empat baris sedangkan masing-masing baris meliputi jumlah suku kata yang sama, disusun menurut pola metris yang sama. Menurut pola tersebut kuantiti setiap suku kata panjang atau pendeknya ditentukan oleh tempatnya dalam baris beserta syarat-syaratnya dan sebuah suku kata dianggap panjang bila mengandung sebuah vokal panjang (ā,ī,ū,ō,e,o,ai) dan nilai sebuah vokal pendek disusul lebih daripada satu konsonan. Suku kata terakhir dalam setiap baris dapat bersifat panjang atau pendek. Aneka macam pola metrum ini dipakai dalam puisi Jawa Kuno (Zoetmulder, 1983: 119-121).

<sup>iv</sup> Kajian berkenaan *Arjuna Wiwaha* pada relief candi-candi abad ke 13 hingga 15 dilakukan oleh Agus Aris Munandar (2004) berjudul ' Karya Sastra Jawa Kuno yang Diabadikan Pada Relief Candi-Candi Abad ke-13-15'. <sup>v</sup> Filologi adalah suatu ilmu yang objek penelitiannya naskah-naskah lama. Maksud naskah ialah semua bahan tulisan tangan peninggalan nenek moyang kita pada kertas, lontar, daluwang, kulit kayu, dan rotan. Dalam bahasa Latin, naskah disebut *codex*, dalam bahasa Inggeris disebut *manuscript*, dan dalam bahasa Belanda disebut dengan istilah *handschrift*. (Edward Djamaris, 2002: 3). Umumnya dalam manuskrip lama pasti terdapat ilustrasi yang menggambarkan kandungan naskah berkenaan. Kajian berkenaan ilustrasi dalam *Arjuna Wiwaha* telah ditulis oleh Nuning Y. Damayanti Adisasmitho (2010) berjudul 'Illustration on Javanese Manuscripts: The Intellectuality and the Capability of Thinking into Indonesian Art and Writing Culture.'

<sup>vi</sup> Jika falsafah Jawa menjadi asas kepada pembentukan budaya masyarakat Jawa tetapi falsafah pemikiran Islam menjadi asas kepada pembentukan kebudayaan dan kesenian Melayu. Aspek-aspek falsafah pemikiran Islam yang menjadi asas pembentukan kebudayaan dan kesenian Melayu adalah: faham akidah, rasional dalam Islam, toleransi dalam Islam, ukhuwwah, pandangan sejagat Islam, fahaman Ahli-Sunnah Waljamaah, ciri-ciri kedamaian dan kesenian Islam (Idris Zakaria, 2012).

## RUJUKAN

- Abdullah Ciptoprawiro. 2000. *Filsafat Jawa*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Agus Aris Munandar. 2004. Karya Sastra Jawa Kuno yang diabadikan pada relief candi-candi abad ke-13-15. *Jurnal Makara Sosial Humaniora*, 8(2), 54-60.
- Aryaning Arya Kresna.2013. Demokrasi dan kekuasaan dalam pandangan hidup orang Jawa. *Jurnal Ultima Humaniora*, I(2), 169-179.
- Edward Djamaris. 2002. *Metode penelitian filologi*. Jakarta: Pusat Bahasa.
- Edy Sutanto. 2009. Nilai estetik dan pragmatik cerita Arjunawiwaha gubahan Mpu Kanwa. *Jurnal Ilmu dan Budaya*, 29(18), 1809-1824.

- Idris Zakaria. 2012. Islam dan falsafahnya dalam kebudayaan Melayu. *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012), 91-108.
- Imam Budhi Santosa. 2012. *Spiritualisme Jawa (sejarah, laku, dan intisari ajaran)*. Yogyakarta: Memayu Publishing.
- Lukman Pasha. 2011. *Butir-butir kearifan Jawa*. Yogyakarta: IN AzNa Books.
- Noriah Mohamed. 2010. *Kreativiti minda Melayu-Jawa 2 dalam khazanah bahasa, sastera dan budaya*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Nuning Y. Damayanti Adisasmitho. 2010. Illustration on Javanese manuscripts: the intellectuality and the capability of thinking into Indonesian art and writing culture. *Tawarikh: International Journal for Historical Studies*, 1(2), 123-138. <http://idci.dikti.go.id/pdf/JURNAL/Tawarikh/Vol.%201%20no.%202%20April%202010/nuning.april.2010-2.pdf> [22 Jun 2015].
- Sanusi Pane. 1960. *Ardjuna Wiwaha*. Djakarta: Dinas Penerbitan Balai Pustaka.
- Seno Sastroamidjojo. 1962. *Ardjuna Wiwaha*. Djakarta: Kinta.
- Sunardi D.M. 1993. *Arjuna Wiwaha*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Tafsir Mahmud Yunus al-Qur'an Nur Karim rasm Uthmani*. 2010. Klang: KBC.
- Tjaroko HP Teguh Pranoto. 2007. *Spiritualitas Kejawen (ilmu kasunyatan, wawasan & pemahaman, penghayatan & pengalaman)* Yogyakarta: Kuntul Press.
- Zoetmulder. 1983. *Kalangwan: sastra Jawa Kuno selayang pandang*. Seri ILDEP. Jakarta: Penerbit Djembatan.

**Biodata Penulis:**

**Syarifah Wardah el Firdausy**

Penulis merupakan calon Sarjana Falsafah di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan, dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kajiannya ialah falsafah Jawa dan karya sastera Jawa.

**Yusmilayati Yunos**

Penulis merupakan pensyarah dalam bidang kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Lulusan Doktor Falsafah dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Zubir Idris**

Penulis merupakan pensyarah dalam bidang kesusasteraan Melayu tradisional, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Lulusan Doktor Falsafah dari Universiti Sains Malaysia.